


## 4 SARAWAK



Yusuf, menyampaikan **ceramah kewartawanan** di Program Bimbingan Kerjaya (K4U) di Universiti Malaysia Sarawak. [FOTO NADIM BOKHARI/BH]

## Pelajar UNIMAS hadiri Karnival Kerjaya Tabung Haji, BH

**Kota Samarahan:** Lebih 200 mahasiswa Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) menghadiri Karnival Kerjaya anjuran bersama Tabung Haji @ U dan BH yang diadakan di Dewan Bankuet Mutiara, Dewan Tunku Abdul Rahman Putra, semalam.

Beberapa segmen disusun dalam karnival kerjaya sehari itu yang diadakan sempena penganjuran Karnival K4U 2012, bermula seawal jam 8.30 pagi.

Segmen dimulakan dengan teknik menulis resume dan persediaan pelajar tahun akhir oleh pensyarah universiti di Kuala Lumpur, Dr Mohd Zakaria Mat Khazani, selain teknik penggunaan Bahasa Inggeris mudah ketika temu duga.

Dalam pada itu, penderma hati, Ahmad Khariri Al-Hadi Md Yusop, 35, turut diterbangkan khas bagi berkongsi pengalamannya mendermakan hati kepada arwah Mohd Yohitt Mohd Farhan Kutty Krishnan yang menjalani pembedahan pemindahan hati pada 18 Disember 2004, namun meninggal dunia pada 28 Januari 2005.

Pengarang Pendidikan BH, Muhd Yusuf Abu Bakar pula menyampaikan ceramah kerjayanya bertajuk 'Wartawan Muda' sebelum ceramah kerjaya turut disampaikan personaliti TV3, Maria Tunku Sabri.